



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 37 RABU 14 September, 1966. 1386 رابو 28 جماد الاول PERCHUMA

### Pameran Lukisan Jon Chak

**BANDAR BRUNEI** — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan Awang Cheon Jon Chak, seorang Pelukis dan Tukang Ubat dari Hong Kong di-Dewan Bangunan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Dalam masa sa-tengah jam sahaja sa-lepas pembukaan rasmi pameran tersebut, Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Awang Lim Teck Hoo telah membeli sa-buah lukisan berharga dua ribu ringgit dan menghadiahkan lukisan itu kepada Muzium Brunei.

Kemudian Pehin Kapitan China telah menyerahkan lukisan itu kepada Pengarah Muzium Brunei, P.M. Shari-uddin.

Lukisan tersebut di-lukis dengan da'wat China berwarna hitam, menunjukkan satu pemandangan Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kampong Ayer Brunei pada hari kabor sa-lepas hujan.



Satu pemandangan di-La-  
pangan Terbang Berakas  
pada pagi hari Rabu 7 Sep-  
tember, 1966 sa-belum Yang

Teramat Mulia Seri Paduka  
Duli Pengiran Muda Mahkota  
Hassanal Bolkiah berangkat  
ka-England.

## Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota Selamat Berangkat Ka-England

**BERAKAS.** — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah selamat berangkat ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada pagi 7 September, 1966 untuk melanjutkan latehan ketenteraan di-Sandhurst.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.

Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah juga berangkat ka-United Kingdom bersama<sup>2</sup> dengan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota untuk melanjutkan latehan ketenteraan di-Sandhurst.

Di-antara-nya yang telah

berangkat ka-United Kingdom bersama<sup>2</sup> dengan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah dan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Semasa keberangkatan ka-London, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan telah di-sertai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam.

Ramai Kerabat Di-Raja, Pembesar<sup>2</sup> Negara, Pegawai<sup>2</sup> Kanan Kerajaan, Ahli<sup>2</sup> Majlis<sup>2</sup> Mashuarat Di-Raja, Negeri dan Daerah telah mengucapkan Selamat Berangkat Ka-United Kingdom kepada Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan di-Lapangan Terbang Berakas pada hari tersebut.

### BALEK DARI AMERIKA

**BERAKAS.** — Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah, Pengelola Ranchangan Belia Negeri Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Amerika Sharikat pada hari Sabtu 10 September 1966 sa-lepas menghadhiri Kursus Pentadbiran Belia sa-lama empat bulan atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Kursus itu telah di-adakan di-Cleveland dan Chicago di-bawah kelolaan Majlis Ranchangan Antara Bangsa untuk Ketua<sup>2</sup> Belia dan Pekerja<sup>2</sup> Kebajikan Masharakat Amerika Sharikat dan telah di-hadhiri oleh Wakil<sup>2</sup> dari 60 buah negeri dari seluruh dunia.

Awang Zulkiflie mengu-  
chapkan berbanyak<sup>2</sup> teri-



Awang Abidin bin Abdul  
Rashid

### Menghadhiri Kursus Perkhidmatan Awam Di-England

**BERAKAS.** — Awang Abidin bin Abdul Rashid, sa-orang Pegawai Pentadbiran di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-England pada hari Ahad 11 September, 1966 untuk menghadhiri Kursus Perkhidmatan Awam bagi Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Sa-berang Laut.

Beliau akan menghadhiri kursus tersebut di-Universiti Manchester sa-lama kira<sup>2</sup> sapuluh bulan.



Awang Zulkiflie bin  
Haji Abdullah

ma kaseh kepada Kerajaan Brunei yang telah menghantarkan-nya ka-Amerika Sharikat untuk menghadhiri kursus tersebut.

Dengan pengalaman yang di-perolehi semasa menghadhiri kursus tersebut, kata Awang Zulkiflie, beliau akan menchurahkan segala<sup>2</sup>-nya itu untuk faedah beliau dan masharakat umum di-seluruh negara.

# Penulong Menteri Pelajaran Merasmikan Pembukaan Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama

**KAMPONG SULTAN LAMA.** — Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking berkata bahawa dalam langkah Kerajaan mengadakan projek perkembangan negara dari beberapa bidang perkembangan termasuklah pelajaran, ra'ayat haruslah sedar dan menyedari akan masa'alah yang di-hadapi oleh Kerajaan terutama di-bidang Pelajaran, ra'ayat mesti-lah bekerjasama untuk melichinkan-nya.

Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan berkata samedikian sa-belum beliau merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama, Brunei pada pagi hari Juma'at 9 September, 1966.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan menegaskan bahawa ibu-bapa dan penjaga kanak2 ada-lah bertanggungjawab memberi dorongan kepada anak2 mereka supaya rajin belajar dan sentiasa menggunakan masa lapang dengan menambahkan Ilmu Pengetahuan.

Beliau telah mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Penyelenggara Sekolah itu yang telah berjaya mengadakan bangunan dan istiadat pembukaan rasmi sekolah itu pada pagi hari tersebut.

"Saya t.dak-lah ragu2 menyatakan bahawa kejayaan penduduk2 Kampong ini dapat mengadakan sekolah ini ia-lah hasil dari kerjasama yang telah diberikan oleh penduduk2 Kampong ini terhadap Kerajaan. Dari itu, sangatlah membanggakan saya dan saya kerikan penghargaan kepada mereka. Saya perchaya Pesedaran yang sa-rupa ini akan sentiasa ada kepada seluruh lapisan ra'ayat di-negeri ini.

Kerjaan telah menyedari akan tanggung-jawabnya terhadap pelajaran ra'ayat di-negeri ini. Sebab itu, langkah2 ka-arrah memperkaya dan meningkatkan taraf pelajaran anak2 negeri ini sentiasa di-usahakan oleh Kerajaan.

Sekolah Rendah telah pun di-bangun dan di-dirikan di-sa-genap pelusok negara ini di-faham tidakh banyak kanak2 di-negeri ini yang tidak bersekolah. Kalau ada pun, ia-lah penduduk2 yang terpenchil di-Ulu2 yang susah membuat perhubungan dengan kawasan itu.

Ranchangan mengadakan Sekolah Menengah sudah pun di-mulakan. Begitu juga Sekolah Pertukangan. Peluang belajar kasa-berang laut telah pun di-bukakan dengan sa-luas2-nya. Semua ini adalah bertujuan supaya ra'ayat negeri ini mempunyai Ilmu Pengetahuan yang sa-jajar dengan penduduk2 negeri yang telah maju di-Dunia ini," kata beliau.

Beliau juga telah menyeru kepada Guru2 supaya mereka bekerja menjalan-

kan tugas dengan hati yang tulus ikhlas serta perasaan yang kaseh mesra dan sa-terus-nya sentiasa menambah Ilmu Pengetahuannya untuk di-churahkan kepada anak2 yang sedang berada di-bangku sekolah pada masa ini

Kemudian beliau berkata kepada murid2 sekalian anak2-ku yang di-kasehi yang sedang belajar dan akan belajar di-mana2 juga pelusok rantau yang ada di-negeri ini, belajar-lah kamu dengan bersungguh2 supaya kamu akan menjadi ra'ayat yang berguna dan bertanggung-jawab di-negara ini.

Sa-lepas itu, beliau pun membuka tudung papan nama sekolah tersebut dengan berkata: "Maka dengan nama Allah yang Maha Besar dan Pemurah saya rasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama ini."

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14 September hingga ka-hari Selasa 20 September, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Matahari	
						Suboh	Terbit
14 Sept.	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
15 Sept.	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
16 Sept.	12.21	3.37	6.25	7.38	4.38	4.54	6.10
17 Sept.	12.21	3.37	6.25	7.38	4.38	4.54	6.11
18 Sept.	12.21	3.37	6.25	7.38	4.38	4.54	6.10
19 Sept.	12.21	3.37	6.25	7.38	4.38	4.54	6.10
20 Sept.	12.21	3.37	6.25	7.38	4.38	4.54	6.10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

## Balek Dari Hong Kong

**BERAKAS.** — Dua orang anggota2 Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei telah balek ka-Brunei dari Hong Kong dengan kapal terbang pada 7 September, 1966 sa-lepas menghadhiri kursus berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Bomba di-Hong Kong selama tiga bulan.

Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Bidin, sa-orang Mekanik dan Awang Hitam bin Sidek, sa-orang pemandu

Gunakan-lah  
Bahasa  
Melayu

## 15 Orang Lagi Bekas Orang Tahanan Di-Bebaskan

**BUNUT.** — Seramai 19 orang lagi bekas orang2 tahanan yang menjalani Kursus Pemulihan di-Pusat Pemulihan Bunut sa-lama 2 bulan telah di-bebaskan pada hari Sabtu yang lalu.

Dengan pembebasan bekas orang2 tahanan tersebut, seramai 1,658 bekas orang2 tahanan yang menjalani Kursus Pemulihan di-Pusat Pemulihan Bunut telah di-bebaskan.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, telah melawat bekas orang2 tahanan tersebut semasa mereka menjalani kursus pemulihan di-Bunut ba-

ru2 ini. Beliau juga telah memberikan nasehat yang berharga kepada mereka.

Sementara itu, Pegawai Pemulihan telah pun mendapat pekerjaan untuk beberapa orang bekas orang2 tahanan itu. Lima orang daripada-nya telah pun diberikan pekerjaan mereka yang asal dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei dan sa-orang lagi telah di-ambil balek berkhidmat oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Pekerjaan2 yang sesuai akan di-chari untuk bekas orang2 tahanan yang belum lagi mendapat sa-barang pekerjaan pun tidak berapa lama lagi.

## PENERBITAN MAJALAH "MEKAR"

**BANDAR BRUNEI.** — Bagi melaksanakan Tujuan Dasar Undang2 Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965 bab 3, maka Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei akan menerbitkan sa-buah majalah kanak2 yang di-namakan 'MEKAR.'

Majalah ini akan memuatkan tulisan2, karangan2 serta makalah2 yang bersifat Kesusasteraan, Kebudayaan dan Pendidikan dan yang sesuai untuk di-bacha oleh murid2 sekolah yang berumur dalam peringkat 9 hingga 14 tahun.

Untuk menjayakan usaha ini, maka Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei berharap kepada penulis2 tanah ayer supaya dapat memberikan sokongan dan sumbangan2 yang berupa: Cherita2-pendek, Sejarah, Ilmu Alam, Sains, Pengetahuan 'Am dan sa-umpama-nya.

Bahan2 karangan yang di-luluskan oleh Sidang Pengarang untuk di-masokkan ka-dalam majalah tersebut akan di-beri bayaran sagu hati yang sa-banding dengan nilai artikel2 itu dan bahan2 karangan demikian akan menjadi milek Dewan Bahasa dan Pustaka.

Segala artikel2 hendaklah di-hantar ka-'alamat: Setiausaha Majalah 'MEKAR,' Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

# Menternak Ayam Untok Menchari Keuntongan

## (Sambongan)

Orang2 yang ingin menternak ayam ada-lah di-rasihatkan supaya meminta nasihat yang betul dari Pegawai Kehaiwanan. Mereka mesti-lah memutuskan sama ada mereka ingin menternak ayam2 bertelor atau ayam2 untok di-makan atau kedua2-nya sekali. Apabila mereka telah memutuskan-nya, maka ayam2 yang betul mesti-lah di-bilih. Ayam2 yang biasa di-sukai ramai adalah seperti berikut:—

### New Hampshire.

Ayam jenis ini ada-lah sangat di-sukai ramai untok dua kegunaan, serta berat pula. Ayam New Hampshire dari Jepon di-panggil 'Ayam Nagoya.'

### Rhode Island Red.

Pada satu ketika ayam jenis ini sangat di-sukai ramai, tetapi sekarang telah di-gantikan oleh ayam Nagoya. Ayam ini juga ialah untok dua kegunaan.

### Australorp.

Ini ia-lah ayam Australia. Ia-nya juga untok dua kegunaan dan warna-nya hitam.

### White Leghorn.

Ayam ini dari jenis ringan dan biasa-nya untok bertelor serta untok diternak di-bawah chara berpetak2 bagi mendapatkan telur. Ayam2 yang mula hendak di-ternak boleh menggunakan ayam2 besar atau anak2 ayam. Ayam2 besar itu memerlukan perbelanjaan banyak pada peringkat permulaan, sambil menternak anak2 ayam hingga menjadi besar adalah sukar dan mesti dijaga dengan baik. Lebih baik di-mulakan dengan se-jumlah yang kecil dan perlahan2 di-tambah lagi apabila pengalaman semakin bertambah.

### Menternak Ayam.

Kejayaan menternak ayam bergantung kepada chara anak2 ayam di-pelihara semasa membesar. Kejayaan ini bergantung kepada jenis baik ayam2 itu dan chara memberi makan, reban dan menjaga-nya. Ada beberapa penjual ayam yang menjual berbagai jenis anak ayam yang berumur beberapa hari. Jika awang2 ingin membeli ayam2 yang mengeluarkan telur sahaja, maka mesti-lah menentukan ayam2 itu mempunyai sex atau jantina dan beli ayam2 dara sahaja. Bagaimana pun anak2 ayam itu mesti-lah mempunyai mata

yang cerah, kaki yang kuat dan bulu yang kering dan kembang

Pada masa sekarang menternak anak2 ayam tanpa ibu ada-lah menjadi kebiasaan. Chara artificial ini boleh di-buat dalam satu tong jika jumlah ayam itu sedikit, atau dalam satu bilek jika jumlah ayam itu banyak. Jika dalam satu tong, lantai-nya mesti-lah daripada dawai mata punai dan di-atas dan ditepi daripada kayu. Kawasan lantai bagi tiap2 sa-ekor ayam mesti-lah 36 persegi inchi. Maka dengan sebab itu satu tong seluas 4 kaki X 4 kaki boleh menchukopi untok 60 ekor anak ayam. Guni2 burok atau kertas mesti-lah di-lelakkan di-atas lantai tong itu untok selama dua minggu dan di-lukar tiap2 hari. Ini ia-lah untok mengutip najis anak2 ayam itu. Anak2 ayam ini mesti-lah sentiasa panas siang

dan malam dalam masa sepuluh hari yang pertama. Sa-lepas itu dalam masa dua minggu, kahang panas itu di-perlukan di-waktu malam sahaja. Untok tujuan ini satu lampu minyak tanah yang biasa atau lampu elektrik mesti-lah diletakkan di-tengah2 tong itu. Ada-lah di-nasihatkan supaya lampu itu di-kepong di-keiling-nya supaya anak2 ayam itu tidak terbakar. Di-kawasan2 yang banyak nyamok, ada-lah di-nasihatkan supaya menutup tong itu dengan kelambu.

Jika anak2 ayam itu banyak kira2 300 sampai 500 ekor, maka chara memakai bilek itu mesti di-gunakan. Ini sama juga dengan chara memakai tong itu, kechuali lantai bilek itu mesti-lah di-taborkan dengan habok kayu atau sampah2 dari kayu yang di-ketam supaya najis2 ayam itu dapat di-tadah

dan lampu2 juga mesti-lah di-keluarkan dari tong atau bilek itu sa-lepas berumur di-antara 6 hingga 8 minggu.

### Memberi makan

Menternak ayam ini, tidak kira sama ada sechara sedikit atau banyak, hanya akan berjaya, jika tuan punya ayam2 itu mempunyai pengalaman yang menchukopi mengenai memberikan makanan kepada ayam supaya untok cari segi ekonomi. Makanan mesti-lah mempunyai persainimbangan ia-itu mesti-lah mengandungi zat carbohydrates, protin, besi dan vitamin yang betul bahagian-nya. Tetapi makanan itu mesti-lah murah dan lengkap. Apa yang awang2 berikan kepada ayam2 itu mesti-lah dapat di-ganti semula dalam bentuk telur dan daging. Melainkan sa-saorang itu chukup tahu tentang ilmu sains zat makanan, maka ia mesti-lah jangan choba membuat makanan ayam yang di-champori-nya sendiri zat2 itu. Pada masa ini terdapat makanan2 ayam yang sudah di-champor dipasaran yang di-buat oleh sharikat2 yang baik. Ada tiga jenis makanan ayam is-itu pertama untok anak2 ayam, kedua untok ayam2 yang sedang membesar dan ketiga untok ayam2 bertelor. Pada masa ini terdapat juga satu makanan khas untok ayam2 yang diternak untok daging-nya sahaja. Anak2 ayam yang berumur hingga 10 minggu akan memakan 1 ounce makanan-nya sa-hari, dan yang membesar memakan kira2 3 ounce sa-hari, sambil yang bertelor memakan 4 ounce sa-hari.

(Bersambung)



Anak2 ayam yang di-ternak di-Pusat Pertanian, Kilanas



Gambar ini ia-lah chara menternak ayam yang biasa di-lakukan di-kampung2.

## Penduduk2 Kampong Bergembira Kerana Ada-nya Sekolah Di-Kampong Mereka

ORANG2 dewasa dan kanak2 di-Kampong Sultan Lama telah bergembira pada hari Juma'at yang lalu, kerana pada hari itu sebuah Sekolah telah di-rasmikan pembukaannya oleh Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking. Sekolah itu ialah Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama.

Sekolah tersebut telah di-bena sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 Kampong Sultan Lama dengan mendapat bantuan dari Jabatan Pelajaran Brunei berupa Buku2 Pelajaran, perkakas2 sekolah, wang dan sa-bagai-nya.

Beberapa orang Guru dari Jabatan Pelajaran bertugas mengajar di-sekolah tersebut.

Dengan ada-nya sa-buah Sekolah di-Kampong Sultan Lama itu, penduduk2 di-Kampong tersebut berasa gembira kerana kanak2 kechil yang tinggal di-kampong itu dapat-lah belajar di-Sekolah yang berhampiran dengan rumah mereka.

Ibu bapa dan penjaga kanak2 itu juga tidak-lah payah lagi menghantar anak2 mereka yang kechil untok belajar di-Sekolah2 yang jauh dari Kampong Sultan Lama itu.



### Keputusan Peraduan2 Silat Dan Kuntau

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Peraduan2 Silat dan Kuntau Perengkat Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-Bandar Brunei bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. pada hari Juma'at 9 September, 1966 adalah seperti berikut:

**PERADUAN SILAT:** Johan — Awang Piut b. Awang Ja'afar dari Kampong Peramu. Jaib Johan — Awang Seruji bin Haji Omar dari Kampong Burong Pingai Berakas. Ketiga — Awang Haji Munap bin Haji Ibrahim dari Kampong Saba Darat.

**PERADUAN KUNTAU:** Johan — Awang Abdul Wahab bin Tengah dari Kampong Burong Pingai Berakas. Naib Johan — Awangku Daud bin Pengiran Md. Salleh dari Kampong Bakut Pengiran Si-Raja Muda "A".

Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Limbang telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 peraduan2 tersebut.

### Peraduan Unggun Api Di-Bukit2 Bandar Brunei


BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Unggun Api (PERUNAN) di-bukit2 Bandar Brunei, ia-itu sa-bagai salah satu daripada achara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali Yang Ke-50 akan di-adakan pada 23 September mulai jam 7 malam hingga 10 malam.

Hadiah2 kepada pemenang2 peraduan tersebut ada-lah seperti berikut: Pertama — Wang tunai \$200, sa-biji mangkok perak dan sa-buah perisai rebutan. Kedua — Wang tunai \$150. Ketiga — Wang tunai \$100. Demikian menurut kenyataan Pengerusi Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer, Perarakan Laut dan Unggun Api, Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar.

### Persidangan Majlis Mashuarat Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Ne-

geri Brunei, Jalan Sinuai, Bandar Brunei pada jam 4 petang hari Ahad 18 September, 1966.



# PEMBUKAAN RASMI SEKOLAH MELAYU KAMPONG SULTAN LAMA



**PENULONG** Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama, Brunei, pada pagi hari Juma'at 9 September, 1966.

Sa-belum Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan beruchap dan merasmikan pembukaan Sekolah Melayu yang baru itu, ucapan yang berharga telah di-lafazkan oleh Nadzir Sekolah Melayu Bahagian Brunei Satu, Awang Haji Mohd. Yassin bin Haji Metassim; Ketua Kampong Sultan Lama, Awang Omar bin Duah dan Pengerusi

Majlis itu, Awang Sulaiman bin Puteh.

Sekolah tersebut letaknya berhampiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin, telah di-bena sa-chara bergotong royong oleh penduduk Kampong Sultan Lama dengan memperolehi berbagai bantuan dari Jabatan Pelajaran Brunei. Guru Besar-nya ia-lah Chegu Abdul Rahman bin Othman.

## MALAM ANEKA RIA

Sa-bagai mengambil sempena Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama, satu temasha

Malam Aneka Ria di-bawah anjoran Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (FAPP) Brunei telah diadakan di-sekolah itu pada malam hari tersebut.

Di-antara achara yang telah di-persembahkan di-Malam Aneka Ria itu ia-lah Peraduan Feshen Pakaian; Peraduan Pakajian Beragam; Persembahan Drama berjudul "Menyahut Panggilan Ibu Pertiwi"; nyanyian, tarian dan la-wak jenaka.

Gambar yang di-siarkan di-Muka 4 dan 5 ini, di-ambil di-Majlis Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Kampong Sultan Lama, Brunei.



# Sokan Dan Olah-Raga

## HOKI

Perlawanan Hoki antara Persatuan<sup>2</sup>, Kelab<sup>2</sup> dan Persekolahan<sup>2</sup> Daerah Brunei dan Tutong atas anjoran Persatuan Hoki Daerah Brunei kerana sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang Ke-50:

Perlawanan tersebut diadakan dengan chara kalah mati ("Knock Out"). Perlawanan<sup>2</sup> yang telah di-jalankan baru<sup>2</sup> ini adalah seperti berikut:—

(i) Pada 10 Sept. 1966: Perlawanan antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu "A", bertempat di-Padang Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei "A" menang tanpa berlawan.

(ii) Pada 3 Sept. 1966: Perlawanan suku Akhir antara Pasokan Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei "A" dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei "A" bertempat di-padang SMJA. Keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei "A" menang dengan kemenangan satu pukulan sudut ia-itu tidak dapat menjarangkan gol antara kedua pehak.

(iii) Pada 4 Sept. 1966: Perlawanan antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei "B" dengan Pasokan Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei "B" bertempat di-padang SMJA. Keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei "B" menang dengan 2 gol berbalas 1.

### SEPAK RAGA JARING:

Perlawanan Sepak Raga Jaring antara Pejabat<sup>2</sup>, Persekutuan<sup>2</sup>, Kelab<sup>2</sup> dan Persekolahan<sup>2</sup> kerana sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang Ke-50, atas anjoran Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei, telah di-adakan dengan chara Pukul Keliling ("League").

Perlawanan telah mula di-jalankan pada 20 Ogos, 1966 bertempat di-Dewan Maktab SOAS. Perlawanan di-adakan 4 hari dalam seminggu ia-itu hari Isnin, Selasa, Juma'at dan Sabtu. Tiap<sup>2</sup> perlawanan di-mulakan jam 4.30 petang. Sa-banyak 16 pasokan bermain dalam sa-hari, terdiri dari 8 pasokan Kumpulan

(Oleh: Awang Md. Husain Zainal)

"A" dan 8 pasokan Kumpulan "B".

Mata kemenangan yang telah di-perolehi oleh tiap<sup>2</sup> pasokan sejak perlawanan di-mulakan ada-lah seperti berikut:—

### KUMPULAN "A"

1. IKLS 6 kali bermain 6 mata. 2. BAKTI 10 kali bermain 10 mata. 3. KUBU 8 kali bermain 8 mata. 4. MPMB 6 kali bermain 4 mata.

5. SRI TANJONG 6 kali bermain 10 mata. 6. AMDB 6 kali bermain 10 mata. 7. PERANGKAP 6 kali bermain 1 mata. 8. SMMP 10 kali bermain 12 mata.

9. SOAS 7 kali bermain 10 mata. 10. BOMBA 8 kali bermain 12 mata. 11. TIBA 8 kali bermain 5 mata. 12. PERKASA 8 kali bermain 7 mata.

13. PULIS 9 kali bermain 2 mata. 14. PUSAKA 7 kali bermain 3 mata. 15. IBB 3 kali bermain 2 mata. 16. SRJIP 8 kali bermain 16 mata. 17. INSAB 6 kali bermain 8 mata.

### KUMPULAN "B"

1. SMMP 7 kali bermain

2 mata. 2. PGGMB 4 kali bermain 2 mata. 3. 3PKA 6 kali bermain 4 mata. 4. PULIS 6 kali bermain 1 mata. 5. SULTAN LAMA 6 kali bermain 6 mata.

6. AMDB 3 kali bermain 6 mata. 7. TIBA 7 kali bermain 2 mata. 8. INSAB 5 kali bermain 10 mata. 9. IKLS 5 kali bermain 8 mata. 10. IBB 8 kali bermain 6 mata.

11. MPMB 5 kali bermain 1 mata. 12. KUBU 6 kali bermain 10 mata. 13. BAKTI 6 kali bermain 8 mata. 14. PERKASA 5 kali bermain 4 mata. 15. SRI TANJONG 5 kali bermain 6 mata.

16. SUMBLING 6 kali bermain 8 mata. 17. SOAS 7 kali bermain 14 mata. 18. BOMBA 6 kali bermain 4 mata. 19. PUSAKA 7 kali bermain 8 mata. 20. PERANGKAP 6 kali bermain 6 mata.

Perlawanan hoki antara Kelab<sup>2</sup>, Persekolahan<sup>2</sup> dan Persatuan<sup>2</sup> daerah Brunei Muara dan Tutong Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang Ke-50, atas anjoran Persatuan Hoki Daerah Brunei.

Permainan di-jalanan dengan chara kalah mati, perlawanan<sup>2</sup> yang telah di-jalankan baru<sup>2</sup> ini ada-lah seperti berikut:—

(1) PADA 23, Ogos. 1966: Perlawanan antara Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, dengan Pasokan Maktab SOAS "B", bertempat di-padang Bandar Brunei. Keputusan-nya pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Maktab SOAS Seri (1-1). Pasokan AMDB hanya menang pukulan sudut (1-0).

(2) PADA 25 Ogos, 1966: Perlawanan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei "A" dan SMMP Seri (2-2). Pasokan Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei "A" hanya menang pukulan sudut: (2-0).

(3) PADA 27 OGOS. 1966: Perlawanan antara pasokan Pulis Di-Raja Brunei berlawan dengan pasokan Persatuan Kampong Sum-biling, bertempat di-padang SMJA, Bandar Brunei keputusan-nya pasokan Pulis Di-Raja menang dengan gol tidak berbalas.

## LELONG BAGI TEMPAT TAPAK MENJUAL MINYAK PETROL

ADA-LAH di-siarkan untuk pengetahuan ramai ia-itu tempat bagi tapak<sup>2</sup> bagi bangunan menjual Minyak Petrol dan Servicing Stesen akan di-lelong pada tarikh dan hari tersebut di-bawah ini:—

HARI RABU 28 September, 1966 bagi SERIA jam 9.00 pagi dan KUALA BELAIT jam 11.00 pagi.

A. KUALA BELAIT: Tanah Kerajaan lebeh kurang 100 kaki X 150 kaki luas-nya terletak di-Jalan Panglima, sa-belah timur menuju Bandar di-sepanjang Jalan Pandan.

B. SERIA: Tanah Kerajaan, lebeh kurang 100 kaki X 73 kaki luas-nya terletak di-Jalan Bunga Kuning bersempadan dengan pasar Babi.

(a) Harga tanah akan di-nyatakan oleh Kerajaan di-waktu melelong di-tempat yang berkenaan. (b.)

Jenis geran tanah 99 tahun (c) Sewa tahunan \$25.00 (d) Upah mengukor \$8.00 (e) Menyiapkan geran \$1.00.

### Sharat<sup>2</sup> Khas

(a) Tanah tersebut hendak-lah di-gunakan semata<sup>2</sup> untuk sebuah Motor Service Station dan sebuah Petrol Station hendak-lah di-bangunkan dalam tempoh (2) tahun dari tarikh keluarkan geran tanah ini.

(b) Tidak ada bangunan yang akan di-dirikan atau perubahan terhadap bangunan<sup>2</sup> tersebut selain dari bangunan<sup>2</sup> yang telah di-luluskan oleh Lembaga Bandar.

(c) Geran tanah ini adalah terta'alok kepada Hak Malek Sharikat Minyak Petrol, Brunei, Berhad di-bawah Perjanjian Melombong Minyak bersama. Ke-

dua<sup>2</sup>-nya bertarih 23 Disember, 1963.

(g) Wang pertarohan: Apa bila sahaja tanah tersebut selesai di-lelong yang berjaya hendak-lah membayar wang pertarohan sa-banyak 10% dari harga lelong. Baki-nya hendak-lah di-bayar dalam masa 6 bulan daripada tarikh perlelongan itu dan geran tanah tidak akan di-keluarkan sa-hingga baki selesai di-bayar. Jika baki-nya tersebut tidak dibayar dalam masa 6 bulan dari tarikh perlelongan itu, wang pertarohan akan hilang dan geran-nya akan di-tawarkan kepada perlelongan tertinggi yang kedua.

(h) Perlelongan: Hanya Orang<sup>2</sup> Melayu Warga Negara, Brunei sahaja yang di-benarkan membeli lelong.

Rajah<sup>2</sup> (plan) boleh dilihat di-Pejabat Tanah, Kuala Belait dan Pejabat Daerah, Seria.

Kerajaan tidak akan bertanggung jawab untuk menguruskan supaya orang<sup>2</sup> yang berjaya membeli lelong ini mendapat bekalan minyak dari Sharikat yang berkenaan.

## SETEM<sup>2</sup> POS YANG BARU

BANDAR BRUNEI. — Setem<sup>2</sup> Pos Kenang<sup>2</sup>an yang berharga 12 sen dan 25 sen, ia-itu keluaran istimewa bagi memperingati siap-nya pembinaan Bangunan Baru, Ibu Pejabat Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia ("World Health Organisation") akan di-jual

di-semua Pejabat<sup>2</sup> Pos di-Negeri Brunei pada hari Selasa 20 September, 1966.

Se'em<sup>2</sup> keluaran istimewa itu akan terus di-jual selama tiga bulan atau pun sa-hingga habis simpanan-nya, mana<sup>2</sup> yang lebeh awal.

# Jawatan Kosong Di-Pejabat Bandaran Kuala Belait

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk jawatan2 yang berikut di-Pejabat Bandaran, Kuala Belait, Brunei:—

## 1. PEGAWAI PEGAWAI RUMAH

**GAJI:**  
Dalam sukatan C 2 \$660 X 30 — 900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

## KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris dan Darjah V Melayu dan berpengalaman dalam bidang menilai chukai rumah selama sekurang2-nya lima tahun.

## SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama.

Pemohon yang terpilih yang menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau berhak untuk di-daftarkan sedemikian akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaaan.

## 2. MERINYU KANAN BANDARAN:

**GAJI:**  
Dalam sukatan C 2 \$660

## Mekanik Timbangan dan Sukatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan untuk memenuhi dua jawatan kosong sebagai Mekanik Timbang dan Sukatan.

### GAJI:

D 1-2-3 (Penghabisan \$380) \$210 X 10 — 270 X 15 — 360 — 380.

### KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah IV Melayu.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang dikehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 September, 1966.

X 30 — 900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

## KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah dari mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak untuk di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan, lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan Form III Inggeris, dan berpengalaman sebagai Merinyu Bandaran selama sekurang2-nya 7 tahun.

## 3. MERINYU PASAR:

**GAJI:**  
Dalam sukatan D 1-2-3 EB 4 \$210 X 10 — 270 X 15 — 360 X 20 480/EB/500 X 20 — 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan penga-

laman.

## KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah dari mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak untuk di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan, lulus Darjah V Melayu dan Form III Inggeris, dan berpengalaman dalam kerja Bandaran selama sekurang2-nya 5 tahun.

## 4. PEMEREKSA BANGUNAN:

**GAJI:**  
Dalam sukatan D 1-2-3 EB 4 \$210 X 10 — 270 X 15 — 360 X 20 — 480/EB/500 X 20 — 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan penga-

## KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah dari

mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak untuk di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan, lulus Form III Inggeris dan Darjah V Melayu, dan berpengalaman dalam kerja Bandaran selama sekurang2-nya 3 tahun.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat yang dikehendaki menghantar laporan sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 September, 1966.

# Perlumbaan Basikal Sambutan Hari

## Jadi

## D.Y.M.M.

di-tempat2 yang di-atornkan oleh Pengawas Perlumbaan.

### 2. BASIKAL:

1. Bebas
2. Hujung handle tempat pemegang mesti-lah pakai sarong Getah atau plastik.
3. Brake di-hadapan dan belakang mesti-lah ada.

### 3. PERATORAN MASA PERLUMBAAN:

1. Jangan memotong peserta2 lain di-sebelah kiri.
2. Jangan masuk memotong dengan serta-merta ka-hadapan peserta2 lain, ia-itu mesti-lah memberi jarak kira2 5 buah basikal di-belakang mereka.
3. Jangan menghalang peserta2 lain dengan tujuan yang membahayakan.
4. Tidak di-benarkan menggunakan kuasa tenaga lain sa-masa mengayoh

basikal sa-lain daripada tenaga sendiri.

### 4. PERINGATAN:

1. Ahli2 Jawatan Kuasa tidak bertanggung jawab atas apa2 kechederaan: pada peserta2 dan pada penuntun2 akibat kemalangan.
2. Peserta2 hendak-lah hati2, mempertahankan keselamatan diri sendiri dan mempunyai jiwa kesokanan (sporting spirit).
3. Perkara2 berbangkit akan di-runding dan diputuskan oleh Jawatan Kuasa Perlumbaan.
4. Perbelanjaan kenderaan dan makan tidak di-biaya oleh badan yang menganjorkan.

### 5. BORANG PESERTA:

Borang2 peserta hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha atau Penolong Setia Usaha Perlumbaan tersebut tidak lewat Pada 20 September, 1966, ia-itu kepada: Awang Husain Zainal, d/a, Pejabat Pelajaran, Brunei atau Awang Tuah Noordin, d/a, Sekolah Mene-gah Melayu Pertama, Brunei.

**BANDAR BRUNEI. —** Bagi merayakan Hari Kepu-teraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Yang Ke-50 bagi tahun 1966, satu Jawatan Kuasa telah di-bentuk untuk menjayakan Lumba Basikal yang akan di-adakan di-Jalan ONG SUM PING (Tongka-deh) pada 30 Sept., 1966 mulai jam 8.30 pagi.

### Jenis2 Perlumbaan

1. Orang Tua (Veterans) 20 Pusingan (10 batu) Umor-nya ka-atas 40 tahun.
2. Perempuan (Ladies) 10 Pusingan (5 batu) Umor-nya ka-atas 13 tahun.
3. Budak2 Lelaki (Junior) 20 Pusingan (10 batu) Umor-nya ka-bawah 16 tahun.
4. Lelaki Dewasa (Senior) 20 Pusingan (10 batu) Umor-nya antara Orang Tua dan Budak2 (Junior).

### Sharat2 Peserta, Basikal Dan Peratoran:

1. **PESERTA:**
  1. Terbuka kepada orang ramai seluruh Negeri.
  2. Peserta2 hendak-lah mengisikan borang yang di-sediakan.
  3. Peserta2 hendak-lah memakai topi keselamatan (helmet).
  4. Pakaian peserta hendak-beresuaian dengan keadaan perlumbaan basikal.
  5. Angka2 yang di-berikan mesti-lah di-pasangkan

## Kenyataan Pejabat Bandaran Brunei

Orang ramai ada-lah dengan ini di-beri tahu bahawa mulai dari 1 Oktober, 1966, Jabatan Bandaran, Brunei akan melancarkan gerakan membunuh semua anjing yang tidak bertuan dan tidak berlesen yang ada berke-liran di-seluruh Kawasan Bandaran, Bandar Brunei.

Oleh yang demikian mereka ada-lah di-nasehatkan supaya mengambil lesen anjing dari Jabatan Bandaran, Brunei agar anjing2 kesayangan tidak akan terbunuh.

Bayaran lesen sa-tahun bagi sa-ekor anjing betina ada-lah \$5.00 dan anjing jantan \$3.00.



## Perlawanan Hoki Antara Pasokan2 M.B. Dengan P.J.P.

**BANDAR BRUNEI.** — Pasokan Menteri Besar telah mengalahkan Pasokan Pesuruh Jaya Pulis dalam satu Perlawanan Hoki yang hebat dengan empat gol berbalas dua di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Rabu 7 September, 1966.

Pasokan Menteri Besar telah di-ketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, manakala Pasokan Pesuruh Jaya Pulis di-ketuai oleh Awang J. R. H. Burns.

Awangku Radin telah menjaringkan tiga gol dan Pengiran Haji Abdul Rahman telah menjaringkan satu gol bagi Pasokan Menteri Besar. Kedua2 gol yang di-dapati oleh Pasokan Pesuruh Jaya Pulis telah di-jaringkan oleh Inspektor Zainuddin, anakda Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

### PERLAWANAN SA-MULA:

Pada petang hari Isnin 12 September pula, kedua2 pasokan tersebut telah bertemu sa-mula di-Padang Besar Bandar Brunei juga. Dalam perlawanan hoki itu, kedua2 pasokan telah seri, ia-itu dua gol berbalas dua.

Awangku Radin telah menjaringkan dua gol bagi pehak Pasokan Menteri Besar. Inspektor Zainuddin telah menjaringkan dua gol bagi pehak Pasokan Pesuruh Jaya Pulis.

Ramai para penonton telah menyaksikan kedua2 Perlawanan Hoki yang hebat itu.

Gambar ini di-ambil sebelum di-langsungkan Perlawanan Hoki antara Pasokan Menteri Besar dengan Pasokan Pesuruh Jaya Pulis di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Rabu yang lalu. Bilangan ke-enam dari kanan di-barisan hadapan ia-lah Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal, Menteri Besar Brunei dan bilangan ke-enam dari kiri di-barisan hadapan ia-lah Awang Burns, Pesuruh Jaya Pulis Brunei.

## Pegawai2 A.M.D.B. Balek Dari England

**BERAKAS.** — Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad dan Leftenan Muda Awang Jock Lin bin Kong Pau dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah balek ka-Brunei dari England dengan kapal terbang pada hari Ahad 11 September, 1966 sa-lepas

menjalani latehan ketenteraan di-sana sa-lama kira2 dua bulan.

Semasa menjalani kursus tersebut, kedua2 Pegawai A.M.D.B. itu telah mempelajari taktik peperangan dan ujian atas kechenderongan penerbangan di-RAF Air Crew Selection, Bigginhill, Westerham, Kent, England.

Menurut Adjutan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Kaptan Mohammad bin Haji Daud bahawa langkah tersebut ada-lah merupakan langkah pertama untuk membolehkan anak2 tempatan bagi berkhidmat dalam jurusan penerbangan.

Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad (kanan) dan Leftenan Muda Awang Jock Lin bin Kong Pau (kiri) kelihatan semasa mereka balek dari England pada hari Ahad yang lalu.



Pasokan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling telah berjaya menjadi Johan dalam Perlawanan Bola Sepak anjuran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei pada tahun ini. Perlawanan itu telah juga di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi

Kampong Sumbiling. Gambar ini di-ambil di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu sa-lepas Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Limbang men-

yampaikan hadiah kepada pemenang dalam Perlawanan Bola Sepak tersebut. Berdiri bilangan empat dari kanan ia-lah Yang Dipertua Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong.